

LAPORAN SEMINAR RASUAH DAN DADAH PADA 4 – 5 NOVEMBER 2020.

Seminar Rasuah dan Dadah ini dianjurkan oleh Unit Integriti bertempat di Dewan Kuliah Utama, Blok Akademik C , INSTUN. Seminar ini diadakan selama 2 hari mulai dari 4/11/2020 – 5/11/2020. Seminar ini dihadiri oleh 49 orang pegawai-pegawai dari semua bahagian di INSTUN.

Tujuan utama seminar ini adalah untuk meningkatkan kesedaran mengenai gejala rasuah serta memberi pengenalan kepada Pelan Tindakan Anti Rasuah Organisasi (OACP).

Penceramah Pertama bagi seminar ini adalah PPs Zamri bin Hj. Darus serta Puan Hazirah binti Hussain dari SPRM Perak. Kedua-dua penceramah adalah merupakan pegawai yang penuh pengalaman dan pengetahuan dari SPRM. Selanjutnya pada sesi sebelah petang adalah sesi pembacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) diketuai oleh Pengarah, INSTUN yang melibatkan 120 warga INSTUN lainnya.

Penceramah bagi hari kedua pula adalah penceramah dari Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Batang Padang, Perak iaitu Puan Nurshida Laili binti Aisha. Peserta -peserta seminar telah didedahkan dengan pengetahuan mengenai najis dadah dan kesan serta akibat penyalahgunaan barang terlarang tersebut. Pihak AADK juga telah membuat mini pameran berkaitan jenis-jenis dadah . Peserta-peserta seminar disaran untuk berkongsi pengetahuan dengan ahli keluarga dan masyarakat bagi membendung gejala yang tidak sihat tersebut.





